

18/05/1997

Saham jatuh tiada kaitan cuti PM

SEPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelabur asing dan tempatan supaya tidak menjadikan cuti beliau selama dua bulan sebagai alasan untuk tidak memasuki pasaran saham.

Perdana Menteri berkata, cutinya juga tidak harus menjadikan pasaran gelisah kerana sepanjang peninggalan beliau, Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diberi kuasa penuh untuk mentadbir negara.

Dr Mahathir menegaskan demikian apabila diminta mengulas mengenai kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang dikaitkan dengan kemerosotan nilai Baht dan hasrat beliau untuk bercuti.

Kelmarin, indeks komposit BSKL dilaporkan menjunam secara mendadak dan mencatat tahap paling rendah dalam tempoh 16 bulan berikutan tekanan jualan yang begitu tinggi, kebanyakan oleh pelabur asing yang bimbang mengenai nilai Baht merebak ke negara ini.

Harga di bursa saham lain di Asia Tenggara turut menjunam dengan kebimbangan yang sama dengan kelemahan Baht apabila berlaku kenaikan dana di rantau ini.

Indeks komposit BSKL susut 31.22 mata dan mencatat tahap paling rendah iaitu 1,041.27 tetapi sebelum itu pada pukul 2.55 ia jatuh 48.22 mata kepada tahap terendah 1,024.27.

Dr Mahathir bagaimanapun menolak andaian kononnya kejatuhan indeks komposit di BSKL mempunyai kaitan dengan cutinya.

"Seperti yang anda tahu, mereka yang bermain saham ini sentiasa mencari pelbagai petanda, tetapi ia tiada kaitan dengan cuti saya," katanya selepas merasmikan upacara pecah tanah bandar pintar Cyberjaya di sini, semalam.

Menurut Dr Mahathir, ada pemimpin bercuti sabatikal selama enam bulan, tetapi tidak menimbulkan sebarang reaksi tidak perlu.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, beliau mungkin terpaksa memendekkan cutinya jika berlaku sesuatu yang luar biasa sepanjang percutiannya.

"Jadi saya harap kamu (pihak media) tidak menimbulkan sebarang perkara yang boleh menjadi masalah kepada saya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, pelabur pula seharusnya menilai asas dan keupayaan syarikat yang disenaraikan di BSKL kerana semuanya mencatat keuntungan.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan sesuatu yang berlaku di tempat lain, ada pelabur menarik balik pelaburan masing-masing.

Dr Mahathir berkata, ekonomi Malaysia kukuh dan dasarnya mantap dan tidak ada sebab boleh menjejaskan pasaran saham negara.

Sebelum ini, Perdana Menteri turut menjelaskan percutiannya selama dua bulan di luar negara mulai 19 Mei ini, tidak ada kaitan dengan masalah kesihatan dan berharap tidak timbul sebarang spekulasi.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai masalah kesihatan sekarang, tetapi memerlukan cuti untuk berehat sambil melaksanakan beberapa urusan dan melakukan lawatan tidak rasmi ke beberapa negara.

"Saya harap saya dibenar bercuti dengan tidak ada macam-macam sangkaan yang mungkin boleh menyebabkan pasaran saham jadi masalah dan sebagainya," katanya.

(END)